# TERMS AND CONDITIONS FOR PERSONAL FINANCING-i X-CHANGE CAMPAIGN/

*TERMA DAN SYARAT KEMPEN PEMBIAYAAN PERIBADI-i X-CHANGE*

***(Effective Date: 1 April 2023 – 31 May 2023)/***

*Tarikh Efektif: 1 April 2023 – 31 Mei 2023)*

## 1.0 DEFINITION/ *DEFINISI*

The following words and expressions in the Campaign's Terms and Conditions ("T&C") shall have the meanings assigned to them, unless the context otherwise requires./
*Perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan dalam Terma dan Syarat Kempen ("T&S") hendaklah mempunyai makna yang berkaitan mereka, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain.*

**'The Bank'** means MBSB Bank Berhad (Registration No. 200501033981 (716122-P)) its successors-in-title and assigns./
*'Pihak Bank' merujuk kepada MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501033981 (716122-P)) pengganti dalam hakmilik dan penyerah haknya.*

**'The Campaign'** means "X-Change Campaign" organized by the Bank in accordance with the Terms & Conditions as stipulated herein./
*'Kempen' merujuk kepada "Kempen X-Change" yang dianjurkan oleh pihak Bank mengikut Terma & Syarat seperti yang dinyatakan di sini.*

**'Campaign Period'** means the duration of the Campaign from 1 April 2023 to 31 May 2023 (both dates inclusive), unless notified otherwise or upon achieving a fund utilization of RM4 billion, whichever is earlier./
*'Tempoh Kempen' merujuk kepada tempoh kempen bermula 1 April 2023 sehingga 31 May 2023 (termasuk kedua-dua tarikh), kecuali dimaklumkan sebaliknya atau sehingga mencapai penggunaan dana sebanyak RM4 bilion, yang mana lebih awal.*

**'Eligible Customer'** means new and/ or existing customers and/ or customers under Credit Consolidation Program who apply PF-i facility during the Campaign Period and satisfies or fulfils the Eligibility Criteria and Campaign Mechanics as set out in Clause 2.0 and 3.0./
*'Pelanggan yang Layak' merujuk kepada pelanggan baru dan/ atau yang sedia ada dan/ atau pelanggan di bawah Program Penyatuan Kredit yang memohon Pembiayaan Peribadi-i semasa Tempoh Kempen dan memenuhi Kriteria Kelayakan dan Mekanisme Kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.0 dan 3.0.*

**'CASA-i'** means any Current Account-i or Savings Account-i successfully opened with the Bank./
*'CASA-i' merujuk kepada Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i yang berjaya dibuka dengan pihak Bank.*

**'AM-PM disbursement'** applies for any complete PF-i applications submitted before 12.00 p.m. which will be disbursed on the same day. Any applications submitted after 12.00 p.m. will be disbursed on the next working day./
*'Pengeluaran AM-PM' merujuk kepada mana-mana permohonan Pembiayaan Peribadi-i yang lengkap yang dihantar sebelum 12 p.m. akan dikreditkan pada hari yang sama. Mana-mana permohonan yang dihantar selepas 12 p.m. akan dikreditkan pada hari bekerja yang berikutnya.*

**'Successful application'** means New/ Refinancing PF-i application submitted, approved and disbursed by the Bank for this Campaign./
*'Permohonan yang berjaya' merujuk kepada Pembiayaan Peribadi-i Baru/ Pembiayaan Semula yang dihantar, diluluskan dan dikreditkan oleh pihak Bank untuk Kempen ini.*

**'MBSB Bank's digital application'** means the Bank's digital applications which include but not limited to MBSB Bank e-Wallet, MFAST and M Journey Mobile Banking Application./
*'Aplikasi digital MBSB Bank' merujuk kepada aplikasi digital Bank yang meliputi tetapi tidak terhad kepada MBSB Bank e-Wallet, MFAST dan M Journey Aplikasi Perbankan Bergerak.*

## 2.0 ELIGIBILITY CRITERIA/ *KRITERIA KELAYAKAN*

2.1. The Campaign is open to all Eligible Customer(s) of the Bank who meet all the following criteria:/
*Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan yang Layak yang menepati kriteria-kriteria seperti berikut:*

(a) Must be a Malaysian Citizen of at least 19 years old (Public Sector)/ 21 years old (Private Sector) and not exceeding 60 years old upon the expiry of the facility or opted retirement age, whichever comes first;./
*Mestilah warganegara Malaysia yang berumur 19 tahun ke atas (Sektor Awam)/ 21 tahun ke atas (Sektor Swasta) dan had umur maksima untuk pemohon adalah 60 tahun atau mengikut umur persaraan, yang mana dahulu;*

(b) Open for **new PF-i application** and **Refinancing** (involves settlement with other Banks) and application under **Credit Consolidation Program**./
*Terbuka untuk permohonan Pembiayaan Peribadi-i baru dan Pembiayaan Semula (yang melibatkan penyelesaian pembiayaan dengan Bank lain) dan permohonan di bawah Program Penyatuan Kredit.*

(c) The Eligible Customer must successfully subscribe to a PF-i product (either Afdhal-i or Mumtaz-i package) with a minimum financing amount of RM10,000.00 and maximum of RM400,000.00 via salary deductions;/
*Pelanggan yang Layak mestilah berjaya mengambil produk Pembiayaan Peribadi-i (sama ada pakej Afdhal-i atau Mumtaz-i) dengan amaun pembiayaan minimum RM10,000.00 dan maksimum RM400,000.00 melalui potongan gaji;*

(d) The Group Credit Family Takaful (GCFT) coverage is compulsory under this Campaign. GCFT will protect the Eligible Customer as it will cover the outstanding amount in circumstances of death or total permanent disability. Takaful coverage is required to be taken from the Bank's panel of Takaful providers or other Takaful providers of your choice approved by the Bank. The contribution amount will be deducted upfront from the financing amount. The Bank also offers other optional Banca Takaful products such as *An-Nur,* Will Writing or any other Banca Takaful or Wealth products that will be applicable through product bundling packages. The Banca Takaful products may also be subject to renewal;/
*Group Credit Family Takaful (GCFT) adalah wajib di bawah Kempen ini. GCFT akan melindungi Pelanggan untuk sebarang jumlah yang belum dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal. Perlindungan Takaful perlu diambil daripada panel syarikat Takaful Bank atau syarikat Takaful pilihan anda yang diluluskan oleh Bank. Jumlah sumbangan akan ditolak daripada jumlah pembiayaan. Bank juga menawarkan produk Bancatakaful lain seperti An-Nur, Wasiat atau mana-mana Banca Takaful atau produk Pengurusan Kekayaan sebagai pilihan melalui pakej produk gabungan Permbiayaan Peribadi-i. Ia juga tertakluk kepada pembaharuan;*

(e) The Eligible Customer is required to open CASA-i with the Bank for the purpose of crediting the PF-i net amount after all necessary deductions are made; and/
*Pelanggan yang Layak diwajibkan untuk membuka akaun CASA-i dengan pihak Bank bagi tujuan pengkreditan amaun bersih Pembiayaan Peribadi-i selepas melakukan penolakan yang sewajarnya; dan*

(f) The Eligible Customer must submit complete supporting documentation as required by the Bank to be eligible for the Campaign. The A.M/ P.M disbursement will be subject to the Bank completing the required process prior disbursing the PF-i facility which includes receiving complete application together with the required supporting documents, performing *aqad*, performing employment verification, the necessary credit checking required by the Bank and successfully performing settlement of existing financing with other Banks./
*Pelanggan yang Layak hendaklah menghantar dokumen sokongan yang lengkap seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank untuk layak menyertai Kempen ini. Pengeluaran penuh A.M/ P.M adalah bergantung kepada pemprosesan pihak Bank sebelum mengkreditkan fasiliti Pembiayaan Peribadi-i termasuklah penerimaan dokumen yang lengkap bersama dokumen-dokumen sokongan, pelaksanaan akad, melakukan penilaian pekerjaan, pemeriksaan kredit yang diperlukan oleh pihak Bank dan melaksanakan penyelesaian pembiayaan dengan Bank-bank lain.*

2.2. All products subscription must meet the following criteria;/
*Semua produk yang diambil hendaklah menepati kriteria berikut:*

(a) CASA-i account is compulsory to be opened by the Eligible Customer prior to disbursement of the financing amount./
*Akaun CASA-i adalah wajib dibuka oleh Pelanggan yang Layak sebelum pengeluaran amaun pembiayaan dilakukan.*

(b) PF-i application must be submitted together with the complete supporting documents and duly received by the Bank within the Campaign period./
*Permohonan PF-i hendaklah dihantar dan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh Kempen.*

(c) For PF-i packages under Mumtaz-i and Afdhal-i (including Credit Consolidation Program), monthly payment of PF-i account must be via salary deduction i.e. Biro Angkasa ("ANGKASA")/ Federal/ State ("AG") or customer's employer ("Employer")./
*Bagi pakej PF-i di bawah Mumtaz-i dan Afdhal-i (termasuk Program Penyatuan Kredit), bayaran bulanan akaun PF-i hendaklah melalui pemotongan gaji, iaitu, pihak Biro Angkasa ("ANGKASA")/ Akauntan General ("AG") Negara/ Negeri dan/ atau pihak majikan Pelanggan ("Majikan").*

(d) For Banca Takaful products, all products subscription must be in force at all time during the tenure of the PF-i facility./
*Bagi produk Banca Takaful, semua produk yang diambil mestilah adalah berkuatkuasa sepanjang Tempoh Pembiayaan Peribadi-i.*

(e) All T&C and the Bank's existing credit underwriting requirements applicable under the respective PF-i packages shall apply accordingly./
*Semua T&S dan penilaian kredit sedia ada Bank di bawah pakej Pembiayaan Peribadi-i masing-masing adalah terpakai dengan sewajarnya.*

2.3. The following are **NOT eligible** to participate in the Campaign:/
*Berikut adalah TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:*

(a) Customer(s) who have committed or are suspected of committing any fraudulent or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by the Bank or have been declared bankrupt/ wound up or are subject to any bankruptcy/ winding up proceedings;/
*Pelanggan yang melakukan atau dicurigai melakukan tindakan penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan salah satu fasiliti yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis/ gulung tikar atau di dalam proses kebankrapan/ penggulungan;*

(b) Customers whose account(s) are delinquent, involved in fraudulent transactions, suspected under Anti-Money Laundering & Counter Financing of Terrorism related matters and any other breaches which warrant the Bank to take appropriate actions;/ and
*Pelanggan yang mempunyai akaun tertunggak, terlibat dalam transaksi penipuan, yang disyaki di bawah perkara berkaitan Anti-Money Laundering & Counter Financing of Terrorism dan pelanggaran lain yang memberi kewajipan kepada Bank untuk mengambil tindakan yang sewajarnya;/ dan*

(c) Representatives and/ or agents (including advertising and campaign agents, third-party vendors and service providers) of the Bank and their permanent and/or contract employees;/
*Wakil dan/ atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, pembekal pihak ketiga dan penyedia perkhidmatan) Bank dan pekerja tetap dan/ atau kontrak mereka.*

2.4. Customer's eligibility shall be subject to an assessment and approval by the Bank. The Bank shall give the reason(s) of non-approval to the Customer via short messaging service (SMS) and/ or letter and/ or any other means deemed suitable by the Bank./
*Kelayakan Pelanggan adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan oleh pihak Bank. Pihak Bank hendaklah memaklumkan sebab-sebab permohonan yang tidak berjaya diluluskan kepada Pelanggan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan/ atau surat dan/ atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.*

## 3.0 CAMPAIGN MECHANICS/ *MEKANISME KEMPEN*

3.1 The Campaign offers Eligible Customer the following Packages:/
*Kempen ini menawarkan Pakej berikut kepada Pelanggan yang Layak:*

<table>
<tr><th>No./<br>No.</th><th>Items/ Perkara</th><th colspan="3">Details/<br>Keterangan</th></tr>
<tr><td rowspan="5">1</td><td rowspan="5">Packages/<br>Pakej</td><td colspan="3">Competitive financing rates as low as:/<br>Kadar pembiayaan yang kompetitif serendah:</td></tr>
<tr><td></td><td>Mumtaz-i</td><td>Afdhal-i</td></tr>
<tr><td>Standard/<br>Standard</td><td>SBR + 2.90% p.a. (equivalent to 2.98% p.a. flat rate at 3 years tenure)<br><br>KAS + 2.90% setahun (bersamaan dengan 2.98% setahun pada kadar tetap bagi tempoh 3 tahun)</td><td>SBR + 3.05% p.a. (equivalent to 3.06% p.a. flat rate at 3 years tenure)<br><br>KAS + 3.05% setahun (bersamaan dengan 3.06% setahun pada kadar tetap bagi tempoh 3 tahun).</td></tr>
<tr><td>Refinancing/<br>Pembiayaan Semula</td><td>SBR + 2.80% p.a. (equivalent to 2.93% p.a. flat rate at 3 years tenure)<br><br>KAS + 2.80% setahun (bersamaan dengan 2.93% setahun pada kadar tetap bagi tempoh 3 tahun)</td><td>SBR + 2.95% p.a. (equivalent to 3.01% p.a. flat rate at 3 years tenure)<br><br>KAS + 2.95% setahun (bersamaan dengan 3.01% setahun pada kadar tetap bagi tempoh 3 tahun).</td></tr>
<tr><td colspan="3"><u>Note/ Nota</u>:<br>• Please refer to the latest Standardised Base Rate (SBR) at MBSB Bank’s website./<br>Sila rujuk Kadar Asas Standard (KAS) terkini di laman web MBSB Bank.<br>• Indicative Effective Profit Rate is subject to the Eligible Customers’ credit rating and credit assessment/<br>Kadar Keuntungan Indikatif adalah tertakluk pada penarafan kredit dan penilaian kredit Pelanggan yang Layak.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Financing Amount/<br>Amaun pembiayaan</td><td colspan="3">Minimum amount: RM10,000.00/ Amaun minimum: RM10,000.00<br>Maximum amount: RM400,000.00/ Amaun maksimum: RM400,000.00</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Tenure/ Tempoh</td><td colspan="3">Minimum tenure: 2 years/ Tempoh minimum: 2 tahun<br>Maximum tenure: 10 years/ Tempoh maksimum: 10 tahun</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Security Deposit/<br>Deposit Sekuriti</td><td colspan="3">Waived/ Dikecualikan</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Grace Period (Deferred Payment)/<br>Tempoh Penangguhan</td><td colspan="3">Three (3) months/<br>Tiga (3) bulan</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Monthly Payment/<br>Ansuran Bulanan</td><td colspan="3">Normal monthly instalment payments on the facility will commence upon expiry of the Grace Period/<br>Bayaran ansuran bulanan ke atas fasiliti akan bermula selepas tamat Tempoh Penangguhan.</td></tr>
<tr><td>7</td><td>*Special Reward<br>*Ganjaran Istimewa</td><td colspan="3">The first 500 customers with approved financing application amounting to minimum of RM50,000.00 and above are entitled to receive RM100.00 in the form of cash. The special reward will be credited to the customers’ CASA-i within 30 working days from the date of financing disbursement./<br>500 pelanggan pertama dengan permohonan pembiayaan berjumlah minimum RM50,000.00 atau lebih yang diluluskan layak menerima wang tunai sebanyak RM100.00. Ganjaran istimewa ini akan dikreditkan ke dalam akaun aktif CASA-i bagi Pelanggan yang Layak dalam masa 30 hari dari tarikh pengeluaran pembiayaan.</td></tr>
</table>

Note: *Only applicable to customers who opt for PTPTN settlement with MBSB Bank.
*Nota: *Hanya terpakai bagi pelanggan yang memilih untuk membuat penyelesaian PTPTN dengan MBSB Bank.*

## 4.0 GENERAL/ *UMUM*

4.1 By participating in the Campaign, the Eligible Customer(s) herewith confirms that:/
*Bagi yang menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengesahkan bahawa:*

(a) have read, understood and agree to be bound by the T&C of the Campaign, Bank's privacy policy/ privacy notice, the Terms and Conditions of the Campaign which are available at https://www.mbsbbank.com and any other relevant Terms and Conditions that the Bank may impose from time to time;/
*telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S Kempen, polisi privasi/ notis privasi Bank, terma dan syarat Kempen yang terdapat di https://www.mbsbbank.com dan apa-apa yang lain yang berkaitan terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa;*

(b) agrees to access to the Bank's website on regular basis to ensure that Customer is at regular time intervals to view the T&Cs and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the T&Cs;/
*bersetuju untuk mengakses ke laman web Bank secara berkala (regular basis) untuk memastikan bahawa Pelanggan sentiasa mempunyai maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau perubahan pada T&S;*

(c) give consent to the Bank to disclose their personal data to the parties involved in organising, promoting and conducting the Campaign to the extent where it is necessary for the purpose of the Campaign;/
*memberikan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada pihak-pihak yang terlibat dalam mengatur, mempromosikan dan menjalankan Kempen sejauh yang diperlukan untuk tujuan Kempen;*

(d) agree that with the full disbursement of the PF-i facility, the monthly payment shall commence on the first day of the following month upon expiry of the Grace Period and thereafter on the first day of each subsequent month until full settlement;/
*bersetuju bahawa dengan pengeluaran penuh kemudahan Pembiayaan Peribadi-i tersebut, bayaran bulanan hendaklah bermula pada hari pertama bulan berikutnya selepas tamat Tempoh Penangguhan dan selepas itu pada hari pertama setiap bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh dilakukan;*

To facilitate the administration process of salary deduction, the deduction of the monthly payment from Customer's salary account will commence on the third month upon the disbursement of the PF-i facility. This is to enable the Bank to receive the payment by the fourth month and onwards;/
*Bagi memudahkan proses pentadbiran potongan gaji, potongan bayaran bulanan daripada akaun gaji Pelanggan akan bermula pada bulan ketiga selepas pengeluaran penuh kemudahan Pembiayaan Peribadi-i. Ini bagi membolehkan Bank menerima bayaran selewat lewatnya pada bulan keempat dan seterusnya.*

(e) agree that the Bank's decision in relation to the Campaign shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customers and no further correspondence and/ or appeal to dispute to the Bank's decision shall be entertained./
*setuju bahawa keputusan Bank yang berhubungan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat kesemua Pelanggan yang Layak dan apa jua surat-menyurat dan/ atau rayuan untuk membantah keputusan Bank adalah tidak akan dilayan.*

4.2 The Bank reserves its rights to disqualify and/ or reject any Eligible Customer that it determines or reasonably suspects to be tampering with the process or the operation of the Campaign, or to be acting in breach of the T&C herein./
*Bank berhak untuk menghilangkan kelayakan dan/ atau menolak Pelanggan yang Layak yang ditentukan atau disyaki secara wajar mengganggu proses atau pengendalian Kempen, atau bertindak melanggar T&S di sini.*

4.3 Subject to the Shariah rules and principles, the Bank may amend, cancel, terminate or suspend the Campaign by providing sufficient notice of not less than twenty-one (21) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronics means or display of notices at the Bank's branches or websites. For the avoidance of doubt, amendment, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the customers who participate in this Campaign to make any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension./
*Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Shariah, pihak Bank boleh meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dengan tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank tidak membolehkan Pelanggan yang Layak yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak*

*Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh mereka samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.*

4.4 By participating in this Campaign, the Eligible Customer hereby agree that the Bank shall not in any manner whatsoever be liable or held responsible to the Eligible Customer if the Bank is unable to perform in whole or in part of any of its obligations herein, attributable directly or indirectly to the failure of any mechanical or electronic device, data processing system, transmission line, electrical failure, industrial dispute, war, strike, riot, any act of God beyond the Bank 's control or due to any factor in a nature of a force majeure which is beyond the Bank's reasonable control./
*Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak dengan apa cara pun sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada kewajibannya di sini, pengagihan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, saluran penghantaran, kegagalan elektrik, perselisihan industri, perang, mogok, rusuhan, sebarang tindakan Tuhan di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor yang bersifat force majeure yang berada di luar kawalan wajar Bank.*

4.5 These T&C is governed by and construed in accordance with the applicable laws of Malaysia, guidelines, directives, notices, regulations enacted and/ or any other written laws or which are issued by Bank Negara Malaysia or any other body having supervisory authority over the Bank in relation to or which are applicable to this Campaign or any matters herein./
*T&S ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang terpakai, panduan, arahan, pemberitahuan, peraturan yang diperbadankan dan/ atau undang-undang bertulis lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau badan lain yang mempunyai kuasa pengawasan terhadap Bank berhubungan dengan atau yang berkaitan dengan Kempen ini atau apa-apa perkara di sini.*

4.6 The T&C herein contained are in addition to and without prejudice to the PF-i Terms & Conditions. In the event of any inconsistency between PF-i Terms and Conditions and the T&C herein, these T&C shall prevail with regards to this Campaign./
*T&S yang terkandung di sini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan Terma & Syarat PF-i. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i dan T&S di sini, T&S ini adalah terpakai berkaitan Kempen ini.*

4.7 If there is any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the Bahasa Malaysia and English version or other language version of these T&C, the English version of these T&C shall prevail./
*Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau versi Bahasa T&S ini, versi Bahasa Inggeris T&S ini hendaklah digunapakai.*

I, hereby confirm that I have read and understood and unconditionally agree to be bound by this Terms and Conditions of "PF-i X-Change Campaign" herein set out above/
*Saya, dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami dengan jelas serta bersetuju untuk terikat oleh Terma dan Syarat bagi "Kempen Pembiayaan Peribadi-i X-Change" seperti mana yang dinyatakan di atas.*

| | |
|---|---|
| Customer's signature/<br>*Tandatangan pelanggan* | |
| Customer's name/<br>*Nama pelanggan* | |
| My Kad No/<br>*No Kad Pengenalan* |             -     - |
| Date/<br>*Tarikh* |     /     / |

[End/ *Tamat*]